

20 NOV 1996

Agong-Peru

MALAYSIA AKAN SOKONG USAHA PERU UNTUK SERTAI APEC

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar bertitah Malaysia berharap Peru akan menjadi anggota forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di masa akan datang.

Seri Paduka bertitah Malaysia yakin Apec akan dibuka kepada semua negara lingkaran Pasifik dan ia akan menyokong Peru dalam merealisasikan objektif itu.

"Kita yakin Peru akan memperkayakan perbincangan dan menyumbang kepada kemakmuran bersama negara-negara Pasifik," titah Seri Paduka pada jamuan negara untuk meraikan Presiden Peru Alberto Fujimori di Istana Negara malam ini. Fujimori tiba hari ini untuk lawatan tiga hari.

Apec, yang diwujudkan pada 1989, dianggotai Australia, Brunei, Kanada, China, Chile, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat.

Seri Paduka bertitah lawatan itu akan memberi peluang kepada Fujimori untuk menyaksikan pembangunan dan perubahan positif yang berlaku di Malaysia.

"Saya difahamkan kedua-dua kerajaan mahu mengikat beberapa perjanjian untuk menjalin kerjasama ekonomi dan teknikal dalam bidang pertanian, komoditi utama dan pembangunan tanah," titah Seri Paduka.

Tuanku Ja'afar bertitah sebagai sebuah negara kecil, Malaysia bergantung kepada perdagangan luar untuk pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraannya, dan sentiasa mencari pasaran dan peluang baru bagi menjalin kerjasama ekonomi.

Kerajaan Malaysia mahu mengadakan lebih banyak perbincangan dengan Peru mengenai langkah-langkah sesuai yang perlu diambil untuk memperluaskan perdagangan dan memudahkan projek-projek usahasama.

Tuanku Ja'afar bertitah sebuah syarikat Malaysia telah menjadi pemilik bersama hotel tunggal di Macchu Picchu, bandaraya kuno Inca di Peru.

Seri Paduka melawat Peru pada tahun 1991 manakala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat negara itu pada Oktober 1995.

Tuanku Ja'afar juga bertitah duta Malaysia yang pertama ke Peru telah memulakan tugas di Lima pada Oktober tahun lepas.

Pada jamuan itu, Tuanku Ja'afar menganugerahkan Darjah Utama Seri Mahkota (DMN) kepada Fujimori manakala Presiden Peru itu pula menganugerahkan darjah "The Sol Del Peru Order kepada Seri Paduka.

Dalam ucapan balasnya, Fujimori menyifatkan pencapaian Malaysia sebagai salah sebuah negara termaju di Asia sebagai satu pengalaman yang cemerlang dan menjadi model untuk dicontohi.

Beliau berkata Peru juga telah melalui detik-detik kesulitan dalam tempoh pembangunan semula negara tetapi berjaya mencatat kejayaan yang membanggakan.

"Negara kami telah melalui zaman inflasi yang paling buruk, keganasan penjahat, pemuluan antarabangsa dan huru-hara dan hari ini ia sedang menikmati alunan pembangunan ekonomi," katanya.

Fujimori berkata pada lawatannya kali ini beliau membawa keazaman kuat untuk terus memberikan sumbangan, seperti yang dilakukan oleh Malaysia, ke arah hubungan dua hala yang lebih erat untuk kepentingan bersama.

Ini merupakan lawatan kedua Fujimori ke Kuala Lumpur selepas yang pertama pada November 1991.

Beliau berkata pelaburan Malaysia terutamanya dalam sektor pelancongan

Peru semakin berkembang sejak lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu tahun lepas yang turut membuahkan hubungan bermakna antara usahawan Peru dan rakan sejawatan mereka dari Malaysia.

Turut hadir pada majlis itu Dr Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Adam Kadir.

--BERNAMA

RZS OBA